



LPHS

LAPORAN TAHUNAN 2024

PENERAJU KEPADA PEMBANGUNAN PERUMAHAN
DAN HARTANAH YANG MAMPAN SERTA LESTARI DI
NEGERI SELANGOR



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR



HAK CIPTA TERPELIHARA © 2025

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor.

Diterbitkan oleh

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

Tingkat 5, Podium Utara

Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

40503 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-55103924 / 03-55102177

E-mel : aduan.korporat@lphs.gov.my

Laman web rasmi : <https://lphs.gov.my>

KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN 2024 LPHS

NUKILAN ASPIRASI YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR	4
--	---

SEKAPUR SIREH YB EXCO PERUMAHAN DAN KEBUDAYAAN NEGERI SELANGOR	5
---	---

PERUTUSAN PENGARAH EKSEKUTIF	6
-------------------------------------	---

MAKLUMAT KORPORAT

AHLI LEMBAGA PENGARAH	10
PENGURUSAN TERTINGGI	10
CARTA ORGANISASI	12
PROFIL KORPORAT	13
VISI DAN MISI	14
BIDANG FOKUS	15
PERANAN, FUNGSI DAN KUASA	16
KAPASITI	18
OBJEKTIF KUALITI DAN PIAGAM PELANGGAN	20
PELAN STRATEGIK	22

TERAS UTAMA

PENGGUBALAN DASAR PERUMAHAN	26
PROGRAM PEMILIKAN	28
Pemantauan Pembangunan Rumah Selangorku Dan Hartanah Harga Kawalan	28
Skim Rumah Selangorku	28
Skim Rumah Selangorku Harapan Dan Rumah Idaman MBI	40
Pembangunan Rumah Selangorku	46
Penawaran Rumah Selangorku Dan Hartanah Harga Kawalan	48
Permohonan Kelulusan Pindah Milik	50
Pengurusan Rumah Awam Kos Rendah	52

PROGRAM PENYEWAAN 54

Skim Smart Sewa 54

Projek Perumahan Rakyat 58

PROGRAM PEMBERDAYAAN KOMUNITI 62

Skim CERIA (*Caring Government for Residents' Improvement Aid*) 62

Projek Selangor Penyayang 68

Program Rewang Komuniti Strata Negeri Selangor 73

Program Jalinan Kasih Mesra PPR Rewang Sekampung 74

Program Rejuvenasi Komuniti Selangor Laman Hijau Strata 2.0 75

Program Pemantapan Pengurusan Bangunan Kediaman Berstrata 76

SOROTAN PROGRAM DAN AKTIVITI 80

PRESTASI KEWANGAN 100

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN 104

KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN LPHS 110

NUKILAN ASPIRASI

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

"Dasar Perumahan Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku) Negeri Selangor dilaksanakan untuk merealisasikan matlamat Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna bagi memastikan setiap rakyat atau keluarga mempunyai tempat tinggal yang baik, selesa dan selamat untuk didiami.

Kediaman Kita Selangor bukan sahaja meliputi fasiliti kediaman tetapi turut mempunyai fasiliti pembiayaan khusus buat rakyat Negeri Selangor."

Petikan ucapan semasa Sesi Belanjawan Selangor 2024 pada 10 November 2023



SEKAPUR SIREH

YB DATUK BORHAN BIN AMAN SHAH
EXCO PERUMAHAN DAN KEBUDAYAAN NEGERI SELANGOR

"Pentadbiran Negeri dan Persekutuan bertekad memastikan penghuni perumahan strata menikmati kehidupan yang selesa. Belanjawan Selangor 2024 menggariskan iltizam untuk terus menambah baik dasar serta polisi Perumahan Rakyat dari semasa ke semasa dan sekali gus memberi manfaat besar kepada rakyat. Usaha ini juga merupakan bukti keprihatinan kerajaan dalam merealisasikan hasrat dan harapan rakyat untuk mendiami kediaman yang lebih selesa dan kondusif."

Petikan ucapan semasa merasmikan Program Jalinan Kasih Mesra PPR Rewang Sekampung di Projek Perumahan Rakyat Kampung Baru HICOM pada 8 Jun 2024



PERUTUSAN PENGARAH EKSEKUTIF

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bersyukur kehadiran Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua, Laporan Tahunan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Edisi 2024 telah berjaya diterbitkan. Dalam merintis usaha menerajui pembangunan perumahan dan hartanah di Negeri Selangor, LPHS telahpun melewati fasa dua (2) dekad penubuhannya.

Berpandukan kepada tiga misi utama yang digariskan dalam Pelan Strategik LPHS iaitu perluasan akses kepada perumahan dan hartanah yang berkualiti serta mampu milik, pemantapan mekanisme pengagihan dan pemilikan, serta pemerkasaan program pembangunan kualiti hidup komuniti, telah menjadikan LPHS terus menanjak seiring dengan kepesatan evolusi sektor perumahan dan hartanah di Negeri Selangor.

Sebagai peneraju dalam bidang perumahan dan hartanah yang mampan serta lestari di Negeri Selangor, LPHS komited dalam membantu rakyat Selangor yang berpendapatan sederhana untuk mempunyai akses kepada perumahan yang berkualiti, selesa dan mampu milik. Antara program yang telah diperkenalkan sejak dari tahun 2016 adalah Program Skim Smart Sewa. Program yang pertama kali dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di Malaysia melalui LPHS ini memberi peluang kepada pembeli yang berkelayakan untuk mendapatkan

kembali 30% daripada jumlah sewa bulanan yang boleh digunakan sebagai deposit bagi pembelian rumah pertama pada masa akan datang.

Dalam usaha untuk mewujudkan komuniti dan generasi mampan (*sustainable generation and community*) khususnya bagi golongan B40, LPHS terus aktif menjalankan program-program pemberdayaan bagi memastikan kualiti hidup komuniti dapat dipertingkatkan secara holistik. Ini termasuk dengan memberikan inisiatif bantuan Skim CERIA bagi membiayai kos baik pulih dan penyelenggaraan harta bersama untuk membolehkan setiap komuniti perumahan di Negeri Selangor dapat menikmati kehidupan yang selesa, selamat dan kondusif di tempat tinggal mereka sendiri.

Usaha yang berterusan juga telah dilaksanakan secara kolaboratif dengan pelbagai pihak melalui Program Rewang Komuniti Strata Negeri Selangor dan Program Jalinan Kasih Mesra PPR Rewang Sekampung yang diperkenalkan pada tahun 2024, Projek Rejuvenasi Komuniti Selangor Laman Hijau Strata 2.0 yang mengintegrasikan kejiranan hijau dan teknologi hijau di pangsapuri-pangsapuri serta Program Pemantapan Pengurusan Bangunan Kediaman Berstrata (C-SMART) yang bertujuan meningkatkan kemahiran pengurusan bangunan kediaman strata.

Bagi mendepani cabaran globalisasi dan urbanisasi, LPHS kini lebih menumpukan kepada hala tuju yang digariskan berdasarkan kepada objektif penubuhan agar LPHS akan terus proaktif dalam memastikan pelaksanaan pembangunan perumahan dan hartanah yang lebih berdaya saing ke arah penyediaan rumah yang mencukupi pada masa akan datang, selain memastikan pengurusan kediaman berstrata serta pembangunan komunitinya diurus dengan baik supaya semua ahli komuniti dapat menikmati kehidupan yang selesa, selamat dan mampan.

Sekian, terima kasih.

"TERBAIK UNTUK ANDA"

DATO TPR. DR. JUHARI BIN AHMAD
PENGARAH EKSEKUTIF
LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR





MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

TAHAN DAN
ELANGOR

5
HARTANAH



AHLI LEMBAGA PENGARAH



DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor

PENGERUSI



TIMBALAN PENERUSI

DATO' SETIA HAJI HARIS BIN KASSIM
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

PENGURUSAN TERTINGGI



**TUAN MOHD HAFIZ
BIN HASSAN**
A.M.S
Timbalan
Pengarah Eksekutif



**PUAN NORMALIZA
BINTI MD RAYIS**
A.M.S., P.J.K.
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan



**TUAN HAJI WAN MOHD FADZLI
BIN MOHD YUSOFF**
A.N.S.
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan Operasi

**YBHG DATO' TPR. DR. JUHARI
BIN AHMAD**
D.I.M.P., A.M.N., S.I.S., A.M.S.
Pengarah Eksekutif



WAKIL
KERAJAAN NEGERI



**Datuk Borhan
bin Aman Shah**

Exco Perumahan & Kebudayaan
Negeri Selangor



**Dato' Dr. Ahmad Fadzli
bin Ahmad Tajuddin**

Pegawai Kewangan
Negeri Selangor



**Dato' Johary
bin Anuar**

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri
(Pembangunan)

WAKIL
KERAJAAN PERSEKUTUAN



**Tuan Haji Suhaimi
bin Ali @ Ahmad**

Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan



**Tuan Mohd Syaifulrizal
bin Abu Bakar**

Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan



**Puan Noor Zuraini
binti Aziz**

Kementerian Kewangan Malaysia

WAKIL
PEMAJU PERUMAHAN



**Datuk Zaini
bin Yusoff**

Pengerusi REHDA Selangor

WAKIL
PERTUBUHAN PROFESIONAL



**Tuan Ar. Zairul Azidin
bin Badri**


Wakil Lembaga Arkitek Malaysia



**Tuan TPr. Ihsan
bin Zainal Mokhtar**

Wakil Pertubuhan Perancang Malaysia

CARTA ORGANISASI




PROFIL KORPORAT

Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Selangor pada 29 Oktober hingga 1 November 2001 telah meluluskan Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor 2001.

Ditubuhkan melalui Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor yang diwartakan di bawah Warta Kerajaan Negeri Selangor, Enakmen No. 14/2001 Jilid 54 No. 26 bertarikh 26 Disember 2001.

Mula beroperasi pada **1 MAC 2002**
(Beroperasi sepenuhnya pada 1 Jun 2002).

Bertanggungjawab sebagai pemudahcara dalam isu berkaitan pembangunan, perumahan dan hartanah di Negeri Selangor.





VISI LPHS

MENJADI PENERAJU KEPADA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN HARTANAH YANG MAMPAN SERTA LESTARI DI NEGERI SELANGOR

MISI LPHS

- 01** MEMPERLUAS AKSES KEPADA PERUMAHAN DAN HARTANAH YANG BERKUALITI SERTA MAMPU MILIK
- 02** MEMANTAPKAN SISTEM PENGAGIHAN DAN PEMILIKAN
- 03** MEMPERKASA PROGRAM PEMBANGUNAN KUALITI HIDUP HARMONI

BIDANG FOKUS

01 MENJALANKAN FUNGSI SERTA KUASA DI BAWAH ENAKMEN LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR 2001

02 URUS SETIA JAWATANKUASA TETAP PERUMAHAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR LESTARI

PERUMAHAN

Isu-isu melibatkan pembangunan perumahan yang dibangkitkan oleh pembeli, pemilik, penyewa, pemaju dan agensi kerajaan yang melibatkan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].



PEMBANGUNAN BANDAR LESTARI

- ➔ Penyelarasan, pelaksanaan, dasar-dasar serta undang-undang yang berkaitan dengan COB di bawah Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 [Akta 757].
- ➔ Pemudahcara program penyelesaian semula peneroka bandar.
- ➔ Bertindak sebagai mediator ke arah penyelesaian projek terbengkalai.
- ➔ Pembangunan kehidupan bandar melalui Pemberdayaan Komuniti.

PERANAN, FUNGSI DAN KUASA

PERANAN AWAL

Antara peranan awal LPHS adalah mengambil alih sebahagian tanggungjawab utama Seksyen Pembangunan Sosial dan Seksyen Kerajaan Tempatan, Unit Perancang dan Pembangunan Negeri (UPPN) seperti:

- 01** Pendaftaran permohonan dan pengagihan **RUMAH KOS RENDAH** dan **RUMAH AWAM KOS RENDAH** melalui Sistem Pendaftaran Permohonan Terbuka Rumah Kos Rendah.
- 02** Bertindak sebagai agen kutipan **BAYARAN ANSURAN RUMAH AWAM KOS RENDAH** bagi **PIHAK KERAJAAN NEGERI**.
- 03** Penyelesaian setingan dengan **MEMASTIKAN KEJAYAAN DASAR SETINGGAN SIFAR MENJELANG 2005**.

PERANAN TERKINI

Dasar Pemilikan

DASAR PERUMAHAN

- Dasar 20:20:10 / 20:10:10 (2006)
- Rumah Selangorku 1.0 - 3.0 (2014 - kini)
- Mekanisme Penyelenggaraan Kuota Bumiputera Negeri Selangor 1.0 - 2.0 (2011- kini)
- Rumah Idaman MBI & Harapan (2020)

Dasar Sewa Beli

SEWA MILIK

- Dana Sel (2008)
- Sewa Milik Selangor (2022)

Dasar Penyewaan

DASAR PENYEWAAN

- Program Perumahan Rakyat (HICOM, Lembah Subang, Serendah (Seri Kiambang) dan Kota Damansara)
- Skim Smart Sewa (2017)

Dasar Hartanah Mampu Milik

INDUSTRI & KOMERSIAL

- Industri Mampu Milik
- Kedai Mampu Milik
- Pangsapuri Kediaman & *Boutique Office* Mampu Milik

FUNGSI DAN KUASA DI BAWAH ENAKMEN LPHS 2001

- 01** Menyediakan dasar dan garis panduan untuk menggalakkan serta memudahkan pembangunan perumahan dan hartanah
- 02** Menyelaras antara agensi untuk membolehkan kemajuan pembangunan perumahan dan hartanah dilaksanakan dengan pesat
- 03** Menggalakkan industri perumahan dan hartanah dari peringkat perancangan pembangunan sehingga penjualan, khususnya bagi perumahan awam kos rendah
- 04** Merancang, membangun, melaksana dan menggalakkan pembangunan, pelaksanaan, pemasaran serta penjualan perumahan dan hartanah secara amnya dan secara khususnya bagi perumahan awam dan kos rendah
- 05** Mengurus penyelenggaraan kawasan perumahan termasuk kemudahan dan infrastruktur di kawasan tersebut
- 06** Menggalak, menyelaras serta melaksanakan kajian dan pembangunan dalam semua aspek perumahan serta hartanah, dan secara khusus mengenai perumahan awam serta kos rendah
- 07** Menjadi pusat sumber serta maklumat untuk industri perumahan dan hartanah

08 Menjadi ejen pemungut ansuran pinjaman rumah awam kos rendah bagi pihak Kerajaan Negeri untuk dikembalikan kepada Kerajaan Persekutuan sebagai anuiti pinjaman

09 Menyediakan laporan penyata kewangan tahunan untuk diaudit serta diluluskan pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri Selangor



KAPASITI

01



MENDAKWA DAN DIDAKWA

02



MEMBUAT KONTRAK

03



MEMILIKI HARTA ALIH DAN TIDAK ALIH

04



MEMBUAT URUSNIAGA, MELUPUSKAN ATAU MENJALANKAN apa-apa urusan yang berkaitan dengan harta alih dan tidak alih yang terletak hak kepada Lembaga.

05



MENGAMBIL TINDAKAN TATATERTIB ke atas pekerja berdasarkan Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) (Selangor 2001).

06



MELANTIK PEKERJA untuk menjalankan fungsi dan kuasa yang telah diperuntukan tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan seperti yang diputuskan oleh pihak Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

07



MENGADAKAN DAFTAR PEMAJU PERUMAHAN DAN HARTANAH

08



MEMASTIKAN PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN PERUMAHAN ATAU HARTANAH dilaksanakan mengikut undang - undang.

09



MENETAPKAN DAN MENGENAKAN FI, BAYARAN, FAEDAH SERTA CAJ-CAJ LAIN berdasarkan fungsi dan kuasa di bawah Enakmen.

10



MELANTIK ATAU MENGGAJI EJEN, PENASIHAT TEKNIKAL, KONSULTAN, KONTRAKTOR ATAU ORANG LAIN bagi mengendalikan perniagaan atau mengadakan perjanjian untuk menjalankan fungsi atau tanggungjawabnya, atau untuk perkongsian keuntungan atau usahawan dengan orang atau kumpulan orang.

11



MERANGKA KAEDAH KE ARAH PENYELESAIAN PROJEK TERBENGGALAI tertakluk kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966.

12



MENETAPKAN DAN MELAKSANAKAN DASAR bagi pembangunan perumahan kepada pembeli.

13



MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB YANG DIBERIKAN ATAU DIWAKILI berdasarkan undang-undang sedia ada.

OBJEKTIF KUALITI DAN PIAGAM PELANGGAN

01

SEMAKAN SEMULA
DASAR

5 TAHUN SEKALI

04

PERMOHONAN KEBENARAN
PINDAH MILIK
(DOKUMEN LENGKAP)

14 HARI BEKERJA

07

PENYEDIAAN KERTAS
RINGKASAN PROGRAM
PEMBERDAYAAN
KOMUNITI

SEBELUM 31 DISEMBER

10

PENGELUARAN
PERAKUAN SIAP KERJA /
PERAKUAN TIDAK SIAP

30 HARI BEKERJA

02

PENGELUARAN SURAT
TAWARAN

14 HARI BEKERJA

05

PENGELUARAN SURAT
KEPUTUSAN KEBENARAN
PINDAH MILIK

7 HARI BEKERJA

08

PERMOHONAN &
KELULUSAN PENDAFTARAN
BANTUAN FIZIKAL
KEDIAMAN STRATA

5 HARI BEKERJA

11

LAPORAN ANALISA
KONTRAKTOR

30 HARI BEKERJA

03

PENYEDIAAN KERTAS
PERTIMBANGAN NAMA
PEMOHON
(DOKUMEN LENGKAP)

14 HARI BEKERJA

06

PERMOHONAN RAYUAN
KEBENARAN PINDAH MILIK
(DOKUMEN LENGKAP)

14 HARI BEKERJA

09

LAPORAN
PEMANTAUAN

3 KALI SETAHUN

12

LAPORAN ANALISA
PEMBEKAL

30 HARI BEKERJA

13

PENYEDIAAN *BILL OF QUANTITY*
(DOKUMEN LENGKAP)

30 HARI BEKERJA

16

BAIK PULIH PERALATAN &
PERKAKASAN ICT

3 HARI BEKERJA

19

SEMAKAN ULASAN
PERUNDANGAN
(DOKUMEN LENGKAP)

14 HARI BEKERJA

22

MAKLUM BALAS TINDAKAN
SUSULAN ADUAN

14 HARI BEKERJA

14

LATIHAN KEPADA
KAKITANGAN

3 HARI SETAHUN

17

TEMPOH PENYEDIAAN
BAJET

JANUARI - APRIL

20

SEMAKAN KONTRAK
PERJANJIAN
(DOKUMEN LENGKAP)

30 HARI BEKERJA

23

TAHAP KEPUASAN
PELANGGAN

85%

15

PENYELENGGARAAN
PERALATAN & PERKAKASAN
ICT

4 KALI SETAHUN

18

BAYARAN KEPADA
PEMBEKAL/ KONTRAKTOR/
KONSULTAN
(DOKUMEN LENGKAP)

14 HARI BEKERJA

21

MAKLUM BALAS ADUAN
PELANGGAN

3 HARI BEKERJA

PELAN STRATEGIK

ENAM TERAS UTAMA



TERAS 01

Penguatan Dan Pembentukan Dasar Pembangunan Perumahan Dan Hartanah Negeri Selangor.



TERAS 02

Pemantapan Mekanisme Pengagihan Rumah Dan Hartanah Kumpulan Sasaran.



TERAS 03

Penguatan Jalinan Kerjasama Antara Agensi Kerajaan Dan Swasta.



TERAS 04

Pembolehpayaan Komuniti Perumahan Yang Harmoni Dan Lestari.



TERAS 05

Penambahbaikan Berterusan Sistem Informasi Berkualiti.



TERAS 06

Pemeriksaan Sistem Tadbir Urus Dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan.

BERITA UTAMA

LPHS laksana pembahagian kluster, segera selesai isu hak milik strata

©Nur Aishah Mohd Amin 24 Nov 2024, 10:30 AM



SHAH ALAM, 24 NOV: Kerajaan Negeri mengarahkan Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) membuat pembahagian kluster bangunan kediaman strata yang belum mendapat hak milik.

EXCO perumahan berkata pembahagian kluster itu akan memudahkan proses penyelesaian mendapatkan hak milik strata dengan menggunakan peruntukan khas RM10 juta yang dibentang dalam Belanjawan Negeri 2025.

Jelas Datuk Borhan Aman Shah, jawatankuasa khas perumahan mengenal pasti kediaman strata yang boleh diselesaikan tetapi mereka mengalami kekangan seperti di Puchong dan Sepang.

"Oleh itu, isu strata ini kita akan bantu dengan mendahulukan kediaman bangunan mengikut peratusan paling tinggi yang boleh diselesaikan. Kerajaan Negeri ada cara untuk menyelesaikannya terutama bagi pemilik yang telah meninggal dunia...kita mahu selesai secepat mungkin.

"Dengan adanya suntikan dana diumumkan dalam Belanjawan Negeri 2025 dapat membantu menyelesaikan isu strata dalam sesuatu tempoh," katanya selepas merasmikan Hari Anugerah Laman Hijau Strata Selangor 2024 semalam.

Terdahulu, dalam sidang Dewan Negeri Selangor, Borhan menjelaskan jawatankuasa khas perumahan mengenal pasti 138,817 unit kediaman bertingkat di seluruh Selangor masih belum mendapat hak milik strata. Katanya, jawatankuasa khas inisiatif pengeluaran hak milik strata bagi perumahan dan hartanah yang ditubuhkan Mac lalu mengenal pasti antara isu membabitkan hak milik strata termasuklah dokumen pembangunan tidak lengkap seperti kebenaran merancang, pelan bangunan dan lesen pemajuan serta perjanjian jual beli.

Baru-baru ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari Ketika membentang Belanjawan Selangor 2025 memaklumkan RM10 juta diperuntuk bagi tujuan dana awalan Tabung Penyelesaian Strata di Selangor.



TERAS UTAMA

LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR



PENGGUBALAN DASAR PERUMAHAN

MERANGKA, MENYEMAK DAN MEWUJUDKAN DASAR / POLISI BARU / SEDIA ADA BERKENAAN DENGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN HARTANAH HARGA KAWALAN DI NEGERI SELANGOR SERTA MENGAWAL KELULUSAN PELEPASAN HARTANAH KUOTA BUMIPUTERA MENGIKUT DASAR YANG TELAH DITETAPKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (MMKN)

01 MEKANISME PENYELENGGARAAN KUOTA BUMIPUTERA NEGERI SELANGOR

Pekeliling Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bil. 1 Tahun 2011

02 DASAR PERUMAHAN MAMPU MILIK NEGERI SELANGOR (RUMAH SELANGORKU)

Pekeliling Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bil. 1 Tahun 2013

03 GARIS PANDUAN SKIM PERUMAHAN BERPENGAWAL (GUARDED COMMUNITY) DI NEGERI SELANGOR (PENAMBAHBAIKAN 2016)

Pekeliling Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bil. 1 Tahun 2016

04 DASAR PEMBANGUNAN PANGSAPURI KEDIAMAN KOMERSIAL DAN BOUTIQUE OFFICE MAMPU MILIK

Pekeliling Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bil. 2 Tahun 2016

05 DASAR RUMAH SELANGORKU BERKAITAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN PENJAWAT AWAM 1 MALAYSIA (PPA1M)

Pekeliling Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bil. 1 Tahun 2017

06 DASAR RUMAH SELANGORKU BERKAITAN PEMBANGUNAN PERBADANAN PR1MA MALAYSIA (PR1MA)

Pekeliling Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bil. 2 Tahun 2017

07 DASAR PERUMAHAN MAMPU MILIK NEGERI SELANGOR (RUMAH SELANGORKU) 2.0

Pekeliling Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bil. 1 Tahun 2018

08 DASAR RUMAH SELANGORKU BERKAITAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN PENJAWAT AWAM 1 MALAYSIA (PPA1M) (PINDAAN 2018)

Pekeliling Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bil. 2 Tahun 2018

09 DASAR RUMAH SELANGORKU BERKAITAN PEMBANGUNAN PERBADANAN PR1MA MALAYSIA (PR1MA) (PINDAAN 2018)

Pekeliling Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bil. 3 Tahun 2018

10 DASAR INSENTIF GALAKAN PEMBANGUNAN PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR (REDEVELOPMENT) NEGERI SELANGOR

Diluluskan oleh MMKN pada 5 April 2018

11 DASAR INSENTIF GALAKAN PEMBINAAN RUMAH MAMPU MILIK (RUMAH SELANGORKU HARAPAN & RUMAH IDAMAN MBI) PASCA COVID - 19

Pekeliling Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bil. 1 Tahun 2021

12 DASAR KAWALAN RUMAH KOS RENDAH / RUMAH SELANGORKU / RUMAH MAMPU MILIK SEBAGAI PENEMPATAN KEPADA WARGA ASING

Diluluskan oleh MMKN pada 1 Februari 2023, 3 Mac 2023 & 26 Mei 2023

13 DASAR PERUMAHAN MAMPU MILIK NEGERI SELANGOR (RUMAH SELANGORKU 3.0)

Pekeliling Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Bil. 1 Tahun 2023



PROGRAM PEMILIKAN

01 PEMANTAUAN PEMBANGUNAN RUMAH SELANGORKU & HARTANAH HARGA KAWALAN

SKIM RUMAH SELANGORKU

Rumah Selangorku telah menjadi suatu jenama perumahan mampu milik yang dikenali oleh seluruh rakyat Negeri Selangor. Pembinaan Rumah Selangorku telah dibuat secara berperingkat sejak dari tahun 2015 dengan **sasaran 15,000 unit rumah** berdasarkan kepada Dasar Rumah Selangorku 1.0 yang berkuatkuasa pada **1 Januari 2014**.



**Rumah
selangorku**

Pada 28 Februari 2018, Kerajaan Negeri menguatkuasakan Dasar Rumah Selangorku 2.0. Susulan daripada permintaan terhadap Rumah Selangorku yang telah mendapat sambutan yang menggalakkan selain tekad Kerajaan Negeri bagi memastikan lebih ramai rakyat memiliki kediaman berkualiti, maka **dasar perumahan sedia ada ditambah baik kepada Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku 3.0)** berkuat kuasa pada 3 Januari 2023.

Harga jualan Rumah Selangorku 3.0 bermula dari **RM114,750.00 hingga RM250,000.00** seunit dengan keluasan binaan dari 450 kaki persegi hingga 900 kaki persegi, terdiri daripada jenis perumahan bertingkat dan bertanah.



PENCAPAIAN BAGI TEMPOH

1 JANUARI 2014 - 31 DISEMBER 2024

DATA KESELURUHAN RUMAH SELANGORKU

PERANCANGAN	PEMBINAAN	SIAP BINA
186,627 unit (255 projek)	25,300 unit (58 projek)	42,679 unit (135 projek)

JUMLAH KESELURUHAN - 254,606 UNIT @ 448 PROJEK

STATISTIK RUMAH SELANGORKU YANG TELAH SIAP DIBINA MENGIKUT TAHUN

TAHUN	BILANGAN UNIT	BILANGAN PROJEK
2014	92	1
2015	284	2
2016	728	2
2017	5,385	15
2018	5,695	15
2019	4,571	13
2020	4,686	14
2021	5,629	15
2022	6,315	21
2023	3,623	18
2024	5,671	19
JUMLAH	42,679 UNIT	135 PROJEK

AGENDA

Bantu miliki kediaman, lebih banyak projek Rumah Selangorku diluluskan

©Afeeqa Afeera Abdul Rasol 5 Mac 2024, 1:09 PM



SHAH ALAM, 5 MAC: Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) meluluskan pembinaan lebih 100,000 unit Ruman Selangorku pelbagai kategori dalam tempoh beberapa tahun ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan hampir 70,000 unit menunggu proses kebenaran merancang setakat ini, manakala selebihnya sedang dalam pembinaan.

"Tahun ini hingga 2026, banyak projek akan siap antaranya Rumah Idaman (Bandar Saujana Putra) dan akan diserahkan kepada pemiliknya. Projek ini diambil daripada pemaju tanah yang cuai," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor hari ini.

Amirudin berkata sebanyak 187,243 permohonan Rumah Selangorku diterima sepanjang 2018 hingga tahun lalu dengan 42,238 pemohonan menerima tawaran, manakala 115,095 dalam senarai menunggu.

Dalam tempoh sama juga, katanya, terdapat 95 projek melibatkan 30,327 unit rumah diserahkan kepada pembeli, sementara 29,910 menolak disebabkan pinjaman tidak lulus atau dokumen tidak lengkap.

Sejak 2014 hingga hujung tahun lalu, Kerajaan Negeri meluluskan pembangunan 245,371 unit Rumah Selangorku melibatkan LPHS, pemaju swasta anak syarikat.

SKIM RUMAH SELANGORKU

MAJLIS PECAH TANAH

PROJEK RUMAH SELANGORKU LAGENDA ARDEA
BERNAM JAYA HULU SELANGOR





SKIM RUMAH SELANGOR KU

PROJEK DALAM PEMBINAAN



PANGSAPURI AMANSIARA (JENIS D)
SERI KEMBANGAN





PANGSAPURI SELANGORKU SENA (JENIS C)
CHERAS



PLATINUM RESIDENCE (TOWNHOUSE)
DENGKIL

SKIM RUMAH SELANGOR KU
PROJEK SIAP



PANGSAPURI ANGSANA PUTRA (JENIS B)
SERI KEMBANGAN



RESIDENSI KESUMA 1 (JENIS C)
CHERAS



SRI SURIA APARTMENT (JENIS D)
SERI KEMBANGAN



SKIM RUMAH SELANGORKU

MAJLIS PENYERAHAN KUNCI

PROJEK RUMAH SELANGORKU SELINDUNG DAUN
MUKIM ULU YAM HULU SELANGOR





SKIM RUMAH SELANGORKU HARAPAN & RUMAH IDAMAN MBI

SKIM YANG DIPERKENALKAN MELALUI DASAR INSENTIF GALAKAN PEMBINAAN RUMAH MAMPU MILIK (RUMAH SELANGORKU HARAPAN DAN RUMAH IDAMAN MBI) BERTUJUAN UNTUK MERANCAKKAN LAGI PEMBANGUNAN HARTANAH DI NEGERI SELANGOR SETELAH PENULARAN WABAK COVID-19 MULA TERKAWAL PADA TAHUN 2020.

Dasar insentif galakan **ditawarkan** kepada pemaju yang bercadang untuk **meminda komponen Rumah Selangorku Jenis A, B, C atau D kepada Rumah Selangorku Jenis E Khas**, yang dikenali sebagai Rumah Selangorku Harapan atau Rumah Idaman MBI.

Sekiranya pemaju bercadang untuk meminda komponen Rumah Selangorku Jenis **A / B / Rumah Kos Rendah / Rumah Kos Sederhana Rendah**, maka sebanyak **15% (minimum) hingga 30% (maksimum) untuk Rumah Selangorku Harapan** atau **13% bagi Rumah Idaman MBI perlu diserahkan secara percuma** sebagai balasan/ kontra kepada Kerajaan Negeri/ LPHS atas pengecualian penyediaan Rumah Selangorku tersebut.



Manakala sekiranya pemaju bercadang untuk **meminda komponen Rumah Selangorku Jenis C atau D kepada Rumah Selangorku Jenis E Khas, tiada penyerahan secara percuma** sebagai balasan/ kontra kepada Kerajaan Negeri/ LPHS atas pengecualian penyediaan Rumah Selangorku tersebut perlu dibuat.

Unit-unit Rumah Selangorku Harapan dan Rumah Idaman MBI yang diperoleh secara percuma (kontra) ini akan digunakan oleh Kerajaan Negeri bagi **melaksanakan program seperti Skim Smart Sewa** dalam memberi peluang serta membantu golongan yang sukar mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan, khususnya golongan B40 dan warga emas untuk memiliki rumah sendiri.

PENCAPAIAN TAHUN 2024

DATA KESELURUHAN RUMAH SELANGORKU HARAPAN

PERANCANGAN

59,508
unit
(56 projek)

PEMBINAAN

8,501
unit
(15 projek)

SIAP BINA

-

JUMLAH KESELURUHAN - 68,009 UNIT @ 71 PROJEK

DATA KESELURUHAN RUMAH IDAMAN MBI

PERANCANGAN

39,882
unit
(20 projek)

PEMBINAAN

9,287
unit
(11 projek)

SIAP BINA

3,371
unit
(2 projek)

JUMLAH KESELURUHAN - 52,540 UNIT @ 33 PROJEK

UNIT KONTRA

RUMAH SELANGORKU HARAPAN

3,315
unit

RUMAH IDAMAN MBI

1,267
unit

JUMLAH KESELURUHAN UNIT KONTRA

4,582
unit

SKIM RUMAH SELANGORKU HARAPAN & RUMAH IDAMAN MBI

MAJLIS PECAH TANAH & PELANCARAN RUMAH IDAMAN AMANI BANDAR ELMINA





SKIM RUMAH SELANGORKU HARAPAN & RUMAH IDAMAN MBI

PROJEK DALAM PEMBINAAN

PANGSAPURI RUMAH IDAMAN BUKIT JELUTONG
Shah Alam



PANGSAPURI IDAMAN ABADI
Kajang



RUMAH HARAPAN MORI RESIDENCES (JENIS E)
Rawang



SKIM
RUMAH SELANGORKU HARAPAN
& RUMAH IDAMAN MBI

**PROJEK
SIAP**

PEMBANGUNAN RUMAH SELANGORKU

SEBANYAK 6 DARIPADA 12 TANAH MILIK LPHS BAKAL DIMAJUKAN BAGI PENYEDIAAN RUMAH SELANGORKU.

LOKASI	EKAR	PEMAJU
1. SEKSYEN U1, GLENMARIE, SHAH ALAM, DAERAH PETALING	5.699 3.226	ALIRAN RESTU SDN. BHD
2. ALAM IMPIAN, SEKSYEN 35, SHAH ALAM, DAERAH KLANG	3.72 11.88	TRANS LOYAL DEVELOPMENT SDN. BHD
3. SALAK TINGGI, DAERAH SEPANG	10.00	MAYER LAND SDN. BHD.
4. PULAU MERANTI, DAERAH SEPANG	10.00	KOPERASI SAHABAT AMANAH IKHTIAR SDN. BHD.
5. PEKAN BANGI LAMA, DAERAH HULU LANGAT	9.25 3.51	TRANS LOYAL DEVELOPMENT SDN. BHD
6. KOTA WARISAN, DAERAH SEPANG	20.00	MAYER LAND SDN. BHD.
7. KG. SUNGAI KERTAS, DAERAH GOMBAK	3.80	-
8. LADANG AIR MANIS, DAERAH SABAK BERNAM	10.00	-
9. KG. DATO' AHMAD RAZALI, DAERAH SEPANG	10.87	-
10. KG. SAWAH, MUKIM BANDAR	10.00	-
11. DESA COALFIELD, MUKIM IJOK KUALA SELANGOR	25.00	-
12. DESA MAWAR, MUKIN HUJUNG PERMATANG	199 LOT KEDIAMAN, 27 LOT BANGUNAN PERNIAGAAN	-



02 PENAWARAN RUMAH SELANGORKU DAN HARTANAH HARGA KAWALAN

MELAKSANAKAN PROSES PENAWARAN RUMAH SELANGORKU DAN HARTANAH HARGA KAWALAN (KEDAI MAMPU MILIK/ INDUSTRI MAMPU MILIK/ PANGSAPURI PERKHIDMATAN MAMPU MILIK DAN SOHO/ SOVO/ SOFO MAMPU MILIK), PENAWARAN TERBUKA, PENAWARAN TERUS, PENAWARAN BEBAS, SKIM SMART SEWA SERTA SKIM PEMBIAYAAN PERUMAHAN SELANGORKU (DANA-SEL)



SISTEM PENDAFTARAN PERMOHONAN HARTANAH TERKAWAL NEGERI SELANGOR



PERKHIDMATAN SECARA 'ONLINE'

- Permohonan Rumah Selangorku, Kedai dan Industri Mampu Milik serta Kediaman Komersial & *Boutique Office*
- Pendaftaran atas talian yang fleksibel
- Pemohon boleh menyemak status permohonan
- Boleh diakses oleh pemaju perumahan Rumah Selangorku

SYARAT KELAYAKAN MEMBELI RUMAH SELANGORKU

- Pemohon adalah warganegara Malaysia
- Berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh pendaftaran
- Tidak memiliki sebarang jenis kediaman di Selangor
- Pendapatan bulanan seisi rumah (Pemohon dan Pasangan) tidak melebihi RM14,500

STATISTIK PENAWARAN

TAHUN 2023

TAHUN 2024

01

JUMLAH PROJEK YANG DIDAFTARKAN DALAM SISTEM PENDAFTARAN PERMOHONAN HARTANAH TERKAWAL NEGERI SELANGOR (SPHNS)

59 PROJEK:

- ➔ 45 Projek Rumah Selangorku
- ➔ 2 Projek Kedai/Industri Mampu Milik
- ➔ 12 Projek Kediaman Komersial dan *Boutique Office* Mampu Milik (Pangsapuri Perkhidmatan/ SOHO/SOFO/SOVO)

57 PROJEK:

- ➔ 24 Projek Rumah Selangorku
- ➔ 1 Projek Kedai/Industri Mampu Milik
- ➔ 32 Projek Kediaman Komersial dan *Boutique Office* Mampu Milik (Pangsapuri Perkhidmatan/ SOHO/SOFO SOVO)

02

JUMLAH PEMOHON YANG BERDAFTAR

34,371 ORANG

99,226 ORANG

03

JUMLAH SURAT TAWARAN YANG DIKELUARKAN

9,180 SURAT TAWARAN

9,406 SURAT TAWARAN

03 PERMOHONAN KELULUSAN PINDAH MILIK

ANALISIS PERMOHONAN (BIASA & LELONG)

TEMPOH : JANUARI – DISEMBER 2024

JENIS PERMOHONAN / BULAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	TOTAL
Idaman/Harapan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Kedai/Industri Kos Rendah	4	4	6	1	5	3	7	2	4	4	6	6	52
Lelongan	13	17	17	21	28	15	30	23	17	9	20	15	225
Pangsapuri Perkhidmatan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Rumah Kos Rendah dan Selangorku Jenis A	416	358	402	346	416	393	433	485	397	484	417	413	4960
Selangorku Jenis B	2	2	1	1	3	3	3	4	4	1	4	2	30
Selangorku Jenis C	3	2	3	1	6	3	2	3	2	8	6	5	44
Selangorku Jenis D	3	4	4	3	3	0	4	3	1	3	4	3	35
Selangorku Jenis E	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
SOHO/SOVO	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	441	387	433	373	461	417	479	520	425	509	457	444	5,346

ANALISIS PERMOHONAN (RAYUAN & LELONG) TEMPOH : JANUARI – DISEMBER 2024

JENIS PERMOHONAN / BULAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	TOTAL
Idaman/Harapan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Kedai/Industri Kos Rendah	1	0	0	1	0	0	1	0	0	1	1	2	7
Lelongan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Pangsapuri Perkhidmatan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Rumah Kos Rendah dan Selangorku Jenis A	65	43	16	0	29	41	30	22	54	62	35	24	421
Selangorku Jenis B	1	0	0	38	0	1	1	0	0	1	0	0	42
Selangorku Jenis C	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1
Selangorku Jenis D	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	1	0	3
Selangorku Jenis E	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
SOHO/SOVO	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	67	43	16	39	30	43	32	22	54	64	38	26	474

04 PENGURUSAN RUMAH AWAM KOS RENDAH

PELAN TINDAKAN KUTIPAN TUNGGAKAN ANSURAN RUMAH AWAM KOS RENDAH (RAKR) DAN PENGURUSAN HAK MILIK PROJEK RAKR NEGERI SELANGOR

01


PELAN TINDAKAN KUTIPAN ANSURAN / TUNGGAKAN RAKR NEGERI SELANGOR

02


PROGRAM SIASATAN "DOOR-TO-DOOR" KEPADA 9 DAERAH

03

MENGENAL PASTI UNIT-UNIT YANG ADA TUNGGAKAN RUMAH & CUKAI TANAH TINGGI (UNIT KOSONG) UNTUK CADANGAN PERAMPASAN



LAPORAN KUTIPAN TUNGGAKAN RAKR TAHUN 2024



DAERAH	KUTIPAN (RM)	AKAUN
1. KLANG	51,941.76	38
2. PETALING	225,813.15	47
3. SABAK BERNAM	12,589.00	35
4. HULU SELANGOR	15,626.04	23
5. KUALA SELANGOR	165,443.90	198
6. HULU LANGAT	93,397.95	63
7. KUALA LANGAT	139,552.99	205
8. SEPANG	21,996.00	42
9. GOMBAK	2,644.10	8
JUMLAH	729,004.89	659

PROGRAM PENYEWAAN

01 SKIM SMART SEWA

PROGRAM YANG DIWUJUDKAN BAGI MEMBANTU RAKYAT DI KALANGAN B40 SERTA M40 UNTUK MENYEWA RUMAH SELAMA MINIMA 2 TAHUN DAN MAKSIMA 5 TAHUN PADA KADAR BERPATUTAN, TERUTAMANYA BAGI MEREKA YANG BELUM MEMILIKI RUMAH ATAU MENGHADAPI KESUKARAN UNTUK MENDAPAT PEMBIAYAAN/PINJAMAN DALAM PEMILIKAN RUMAH.

Dalam tempoh 5 tahun tersebut, sekiranya penyewa sudah mampu membeli rumah, maka sebanyak 30% daripada jumlah keseluruhan sewaan akan dipulangkan balik kepada penyewa sebagai deposit untuk membeli kediaman baharu.

MANFAAT SKIM SMART SEWA

01 RAKYAT DI NEGERI SELANGOR BERPELUANG MENYEWA RUMAH MILIK KERAJAAN NEGERI SELANGOR DENGAN KADAR SEWA YANG BERPATUTAN.

02 PENYEWA DAPAT MENYEWA DI KAWASAN PERUMAHAN YANG SELESA DAN SELAMAT UNTUK DIDIAM.

03

MEMBANTU PENYEWA MENYIMPAN UNTUK MEMBAYAR DEPOSIT BAGI TUJUAN MEMILIKI RUMAH SENDIRI.


04

MENERIMA PULANGAN BALIK 30% DARIPADA SEWAAN BERSIH SETELAH TAMAT TEMPOH PENYEWAAN.

SMART SEWA

ANALISIS PERBANDINGAN STATISTIK

BIL.	KETERANGAN	PERBANDINGAN	
		TAHUN 2023	TAHUN 2024
1.	BILANGAN UNIT RUMAH SELANGORKU	426 unit	890 unit
2.	JUMLAH PEMOHON YANG BERJAYA DITAWARKAN	160 orang	216 orang
3.	BILANGAN PEMOHON YANG BERJAYA DITAWARKAN MENGIKUT PECAHAN DAERAH	<ul style="list-style-type: none"> • Petaling : 56 orang • Klang : 75 orang • Hulu Selangor : 1 orang • Hulu Langat : 19 orang • Kuala Selangor : 1 orang • Gombak : 7 orang • Sepang : 1 orang 	<ul style="list-style-type: none"> • Petaling : 72 orang • Klang : 75 orang • Hulu Selangor : 13 orang • Hulu Langat : 18 orang • Kuala Selangor : 2 orang • Gombak : 33 orang • Sepang : 3 orang



SKIM SMART SEWA

LAPORAN PENYEWAAN BAGI TAHUN 2024

BIL	DAERAH	NAMA PROJEK	BILANGAN PENYEWA
1	PETALING	PANGSAPURI DE KIARA SETIA ALAM	7
2		PANGSAPURI SEROJA SETIA ALAM	2
3		PANGSAPURI DE BAYU SETIA ALAM	4
4		PANGSAPURI DE CEMARA SETIA ALAM	2
5		PANGSAPURI SERI UTAMA PUCHONG	6
6		PANGSAPURI DAMAI UTAMA PUCHONG	22
7		PANGSAPURI PUTRA PUCHONG	5
8		PANGSAPURI SERI AKASIA PUCHONG	3
9		PANGSAPURI HARMONI PUTRA HEIGHTS SUBANG	21
10	KLANG	PANGSAPURI ASTERIA BANDAR PARKLANDS	11
11		PANGSAPURI AZARIA BANDAR PARKLANDS	16
12		PANGSAPURI ARISTA BANDAR PARKLANDS	5
13		PANGSAPURI ARONIA BANDAR PARKLANDS	4
14		PANGSAPURI TRIFOLIS BUKIT TINGGI	3
15		PANGSAPURI SERUNAI BUKIT RAJA	2
16		PANGSAPURI RIMBA JAYA SHAH ALAM	9
17		PANGSAPURI KEMUNING IDAMAN KOTA KEMUNING	25
18	HULU SELANGOR	RUMAH BANDAR SELINDUNG ULU YAM	13
19	HULU LANGAT	PANGSAPURI GAPURA BAYU JADE HILLS KAJANG	4
20		PANGSAPURI TAMING MUTIARA BDR SG LONG KAJANG	4
21		PANGSAPURI IDAMAN ABADI KAJANG	10
22	KUALA SELANGOR	RUMAH TERES BANDAR SERI COALFIELDS SG BULOH	2
23	GOMBAK	PANGSAPURI SELANGORKU @ SERI TEMENGGUNG BATU CAVES	28
24		PANGSAPURI DANAU RIA GAMUDA GARDENS RAWANG	4
25		RUMAH BANDAR KOTA PUTERI RAWANG	1
26		SEPANG	PANGSAPURI D ALPINIA PUCHONG
		JUMLAH KESELURUHAN	216



28 SEPTEMBER 2024



Amirudin ketika melancarkan projek perumahan terbaharu Putra Idaman dan Saujana Idaman di Cyberjaya, Selangor hari ini. Foto oleh AMREE AHMAD

TERKINI

Skim Smart Sewa bantu rakyat miskin miliki rumah pertama

Oleh AMREE AHMAD 28 September 2024, 4:10 pm



CYBERJAYA, 28 SEPT: Kerajaan Selangor menawarkan sejumlah 3,000 unit rumah kepada golongan miskin memiliki rumah pertama mereka menjelang akhir 2027 menerusi Skim Smart Sewa.

Menteri Besarnya, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, Skim Smart Sewa ketika ini sudah pun ditawarkan menerusi 32 projek Rumah Selangorku sejak tujuh tahun lepas melibatkan sejumlah 1,287 unit dengan dana RM240 juta.

Beliau berkata, bagi setiap projek Rumah Idaman, pemaju harus menyediakan 10 hingga 20 peratus unit Smart Sewa dan mengalu-alukan jika ada pemaju sudi menawarkan sehingga maksimum 30 peratus.

“Ini selaras dengan dasar kerajaan negeri yang tiada lagi bentuk rumah pakej A, B atau C dan dengan satu rekaan seragam, pemaju sudah jimat banyak kos pembinaan,” katanya selepas melancarkan dua Projek Rumah Idaman di bawah skim inisiatif kerajaan Selangor untuk Daerah Sepang iaitu Putra Idaman dan Saujana Idaman, di sini hari ini.

Projek Rumah Idaman merupakan konsep kediaman mampu milik di Selangor untuk satu keluarga yang miskin atau ada berpendapatan bulanan keseluruhan bawah RM10,000. – KOSMO! ONLINE

02 PROJEK PERUMAHAN RAKYAT

PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) ADALAH SALAH SATU PROGRAM KERAJAAN BAGI PENEMPATAN SEMULA SETINGGAN DI SAMPING MEMENUHI KEPERLUAN TEMPAT KEDIAMAN UNTUK GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH (B40).

